

PEMBERDAYAAN PERANAN DAN PENGETAHUAN TEKSTUAL KONTEKSTUAL PELAJAR SUBJEK HADITH MELALUI PEMUDAHCARA PENCARIAN MAKLUMAT TERARAH (PMT)

NAJAH NADIAH AMRAN

Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia

Emel: najah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru/pensyarah bagi memastikan hasil pembelajaran dapat dicapai. Kaedah yang bagaimanakah lebih berkesan dan bersesuaian dengan latar belakang pelajar pada hari ini? Persoalan ini dibincangkan merentas bidang termasuklah dalam bidang pengajian al-Quran dan hadith. Kertas kerja ini bertujuan memperkenalkan salah satu pemudahcara pembelajaran hadith yang dilaksanakan dalam kursus Hadith I PPPN3333 dan Hadith II PPPN3243 yang diambil oleh pelajar tahun tiga program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pensyarah yang terlibat mengendalikan kursus tersebut menjalankan kajian tindakan bagi meninjau perkembangan pembelajaran pelajar sesi 2016/2017, 2017-2018 dan 2018/2019 setelah mengaplikasikan kaedah tersebut. Tujuan aplikasi pemudahcara tersebut adalah untuk mempertingkatkan penguasaan pengetahuan pelajar dan mencapai hasil pembelajaran. Pemudahcara Pencarian Maklumat Terarah terdiri dari sembilan langkah yang perlu dilaksanakan oleh pelajar kursus dalam menyelesaikan tugas secara kolaboratif. Berdasarkan maklumbalas dan juga pemerhatian semasa pembelajaran, pelajar yang mengaplikasikan sembilan langkah tersebut mendapat pertambahan pengetahuan malah mereka menunjukkan tahap pencapaian gelung pembelajaran berganda (double loops learning) sewaktu dalam sesi kuliah dan di luar bilik kuliah. Hasil refleksi dan ulasan pelajar turut menjelaskan mereka dapat merasai suasana pembelajaran aktif dan bermakna. Secara umumnya, pendekatan bersesuaian diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran subjek hadith mengambil kira aspek latar belakang pelajar generasi baharu, keperluan kursus dan program serta objektif pembelajaran. Rekabentuk pengajaran dan pembelajaran menjadi keperluan namun ia harus mengekalkan aspek pembelajaran tradisi yang menuntut kepada kejituan dan penguasaan pengetahuan hadis secara mendalam. Pemudahcara Pencarian Maklumat Terarah sesuai digunakan sebagai pemudahcara pembelajaran kerana ia turut memberikan penekanan aspek tradisi penguasaan keilmuan Islam selain ia relevan dengan perkembangan pembelajaran semasa.

Kata kunci: Hadis – Gelung Pembelajaran Berganda – PdPc - Pencarian Maklumat Terarah – Maqasid Sunnah

Pendahuluan

Pengajaran adalah suatu usaha murni yang melibatkan kaedah dan teknik penyampaian pengetahuan. Ia melibatkan aktiviti tertentu yang dikendalikan oleh guru secara bersistematik bersama murid (Noor Hisham 2011 & Mohd Amru 2019). Dalam pengajaran hadith, ia merujuk kepada teknik atau kaedah bagaimanakah teks hadith Nabi Muhammad SAW dan penjelasan berkaitan teks tersebut disampaikan kepada murid secara berkesan. Kedudukan hadith sebagai sumber kedua terpenting Islam menjadikan pengajian hadith suatu keperluan utama. Antara

peranan hadis selain sumber hukum Islam dan pedoman kehidupan, ia adalah penjelas dan penerang kandungan al-Quran. Menurut Faisal Ahmad Shah (2016), hadis menerangkan ayat al-Quran yang mujmal, mengikat yang mutlak, mengkhususkan yang umum, menjelaskan yang samar dan menjadi sumber hukum baharu yang tidak dinyatakan oleh al-Quran.

Kedudukan hadis yang penting ini menuntut perhatian dan usaha gigih dalam kalangan pengajar dan juga murid agar memahami hadis dengan tepat dan betul. Faisal (2016) sekali lagi mencadangkan pelbagai kaedah perlu digunakan oleh pengajar dan murid dalam memahami hadis mengambilkira cabaran semasa akibat kemunculan pemikiran yang songsang dan menyeleweng daripada ajaran Islam seperti aliran syiah, khawarij, muktazilah, orientalis, anti hadis, penyelewengan golongan sufi, ahli kalam dan falsafah, sekular, liberal dan lain-lain. Dalam memastikan pengetahuan dan kefahaman murid mencapai ke tahap yang dikehendaki, Mohd Amru (2019) menyinggung mengenai keperluan persiapan yang rapi dilakukan dilakukan oleh guru/penceramah dengan mengambilkira aspek (a) kandungan hadis, (b) fakta dan data, (c) kaedah penyampaian, dan juga (d) penggunaan alat bantu mengajar yang berkesan. Dalam menjelaskan tentang kandungan hadis, Faisal (2016) mengemukakan 20 kaedah yang menjadi asas, prasyarat dan proses mengenalpasti kedudukan hadis secara fizikal dalam karya, membongkarkan maklumat dan data berkaitan sebab persabdaan serta menghubungkan maksud, huraian dan maqasid hadis agar umat Islam memahami hadis yang dibaca atau dipelajari itu secara komprehensif. Contohnya memahami hadith dengan melihat maksud hadis dengan dalil ayat al-Quran, memahami hadis melalui kajian asbab wurud hadis, memahami hadis berdasarkan maqasid, menghuraikan hadis dengan sokongan hadis yang lain dan banyak lagi. Kaedah yang dijelaskan oleh Faisal (2016) menekankan aspek penilaian terhadap teks hadis terutamanya apabila petikan hadis diterima oleh pendengar tanpa dikemukakan sumber asal, pendengar kurang mendalami selok belok ilmu ulum hadis serta tidak mahir dalam bahasa Arab.

Kaedah Tradisi Dalam Periwatan Hadis

Umumnya, terdapat lapan kaedah asas dalam tradisi periwatan dan penyampaian hadis dari satu generasi ke generasi iaitu; (a) Kaedah *al-Sima'* (guru membaca hadith dan para murid mendengar), (b) *al-Qira'ah 'ala al-Shaykh* (pelajar membaca hadis di hadapan guru), (c) *al-Ijazah* (guru memberikan keizinan kepada murid meriwayat atau menyampaikan hadis (yang diterima daripada guru) kepada orang lain, (d) *al-Munawalah* (guru memberikan naskah catatan hadis kepada murid, (e) *al-Mukatabah* (guru menulis atau meminta ditulis hadis kemudian menyerahkan naskah tersebut kepada murid, (f) *i'lam al-Shaykh* (guru menjelaskan kepada murid bahawa hadis atau kitab hadis tertentu yang menjadi koleksi hadis yang diriwayatkan oleh beliau diambil daripada guru tertentu (g) *al-Wasiyah* (guru berwasiat sebelum beliau meninggal agar kitab/catitan hadis yang dikumpulnya disampaikan kepada seseorang murid dan (h) *al-Wijadah* (penemuan hadis/kitab atau catitan hadis tertentu tanpa teknik al-Sima', al-Ijazah atau al-Munawalah) (al-Khatib 1988).

Kosa ilmu berkaitan teknik pembelajaran dan pengajaran hadis telah menyenaraikan terdapat pelbagai kaedah yang digunakan oleh guru semasa penyampaian dan menjelaskan antara kaedah pelajar belajar hadis. Antara teknik tersebut termasuklah:

| Kaedah Pengajaran/Pembelajaran Hadis | |
|--|--|
| <i>Syarah</i> | Mohd Napiah (1989) Azhariah (2011) Fahmi al-Kautsar (2012) Mohd Amru & Najah Nadiyah (2017) Mohd Amru (2019) |
| <i>Hafalan</i> | Mohd Napiah Abdullah (1989) Hamzah Jumaat (2005) Azhariah (2011) |
| <i>Soaljawab</i> | Azhariah (2011) Fahmi al-Kautsar (2012) |
| <i>Pengajaran secara dua hala</i> | Rosni Wazir et.al (2011) Mohd Amru & Najah Nadiyah (2017) Mohd Amru (2019) |
| <i>Pengajaran berbantuan alat</i> | Rosni Wazir et.al (2011) Mohd Amru (2019) |
| <i>Kaedah Talaqqi</i> | Nurul Farahain Ismail (2011) Mohd Amru & Najah Nadiyah (2017) |
| <i>Kaedah Talaqqi bersanad</i> | Farhah Zaidar Mohamed Ramli (2014) |
| <i>Kaedah Tadabur Kitab</i> | Nurul Farahain Ismail (2011) |
| <i>Kaedah Perbincangan</i> | Fahmi al-Kautsar (2012) |
| <i>Kaedah Amali</i> | Fahmi al-Kautsar (2012) |
| <i>Kaedah Membaca Hadis</i> | Fauzi Deraman et.al (2010) Mohd Amru & Najah Nadiyah (2017) Mohd Amru (2019) |
| <i>Kaedah Pengajaran Hadis Secara Tematik</i> | Fauzi Deraman et.al (2010) Mohd Amru & Najah Nadiyah (2017) |
| <i>Kaedah Pengajaran Hadis melalui Penceritaan</i> | Mohd Amru & Najah Nadiyah (2017) Mohd Amru (2019) |

Refleksi Pengajar Kursus

Kepelbagaian latar belakang dan perbezaan gaya pembelajaran pelajar generasi milenial menuntut pensyarah memikirkan, membuat refleksi, merekabentuk serta menambahbaik pengajaran agar proses pembelajaran pelajar-pelajar mereka lebih bermakna. Terdapat tujuh faktor yang mendorong pensyarah merekabentuk pengajaran kursus dan mengusahakan perubahan:

1. Faktor waktu kuliah pada waktu puncak iaitu dari jam 12 tengahari – 2 petang
2. Bilangan pelajar yang melebihi 80 orang semasa sesi kuliah
3. Tuntutan mencapai Hasil Pembelajaran Kursus (Learning outcomes) secara optimum
4. Inisiatif pelaksanaan amalan pembelajaran berimpak tinggi (HIEPs UKM)
5. Isu dan cabaran Islam kontemporari
6. Kepelbagaian model dan gaya pembelajaran
7. Latar belakang pelajar generasi millennium – (7 ciri generasi pelajar; (a) aktif (mereka cepat bosan belajar dalam keadaan statik), (b) pantas dan segera (c) sukakan cabaran (d) berubah-ubah (f) serba-boleh (g) suka berkongsi (h) tidak gemar membaca buku keras.

Generasi pelajar hari ini memiliki keunikan dan kepintaran pelbagai. Pengajar dalam bidang pengajian Islam turut merasai perkembangan ini. Maka, transformasi dalam pendekatan pengajaran tradisi perlu dilakukan bagi melahirkan graduan Muslim yang tersedia (*future-ready*) dan kalis masa depan (*future-proof*) dalam bidang pengajian ilmu-ilmu turath Islam. Sebagai sumber primer terhasilnya sabda/hadis Nabi SAW, perlu dijelaskan secara ringkas mengenai pengajaran Nabi SAW yang tidak statik dan proses pembelajaran para sahabat RA.

| <i>Kaedah Pengajaran Nabi Muhammad</i> | <i>Kaedah/Proses Pembelajaran Para Sahabat</i> |
|--|---|
| Kaedah penyampaian dan pengajaran berlaku secara aktif, fleksibel dan 'mobile'. | Para sahabat sebagai pelajar sangat aktif (<i>participatory</i>) |
| Pengajaran baginda SAW tiada batasan waktu dan tidak terhad dalam satu ruang. | Pembelajaran berlaku disebabkan permintaan dan entuasism para Sahabat RA itu sendiri. (<i>self-determined learning</i>) |
| Secara interaktif secara berganda dan penglibatan baginda sebagai pengajar melibatkan aspek persabdaan, amalan, tindakan | Pembelajaran para sahabat berlaku secara melengkapi (<i>kolaboratif</i>). |
| menggunakan pelbagai kaedah (<i>multi-approaches</i>); sama ada ia verbal atau non-verbal. | Pembelajaran para sahabat RA merentasi budaya, bahasa dan benua. |
| Baginda menetapkan garis panduan yang menjadi manual kehidupan para sahabat baginda dan umat Islam seterusnya. | Setiap sahabat memainkan peranan dalam menyelesaikan tugas berdasarkan kekuatan dan keunikan yang dimilikinya |
| Pemberian arahan menyelesaikan tugas dalam bentuk kerja individu dan berpasukan sama ada secara berpasangan (<i>pair work</i>) ataupun kumpulan ramai (<i>teamwork</i>). | Sifat dan etika para sahabat dalam mendapatkan ilmu pengetahuan |
| Baginda memberikan autoriti kepada para Sahabat RA untuk menjadi pembimbing atau mentor dalam bidang-bidang tertentu. | Komitmen dengan tugas yang diberikan & bersedia untuk ke hadapan apabila diminta. |

| Pendekatan Pengajaran Nabi & Pembelajaran para sahabat RA | Pendekatan & Amalan PdP Baharu | | |
|---|---|--|--|
| | Interaktif, aktif, fleksible (berdasarkan keperluan masyarakat) | | Interaktif, bersifat keterlibatan & berpusatkan pelajar, fleksible |
| | <i>Mobile</i> ; tidak terhad dalam satu ruang, tiada had masa, tiada halangan gender atau budaya. | | Akses terbuka / atas talian, ruang pembelajaran terkehadapan |
| | aktif (participatory), menggunakan pelbagai kaedah (multi-approaches); verbal atau non-verbal. | | Penglibatan pelajar secara langsung & amalan terbaik, pembelajaran imersif & pengalaman pembelajaran imersif |
| | Keperluan & entusiasim | | Keperluan semasa, masyarakat & industri serta minat pelajar |
| | Ada garis panduan | | Ada struktur - Cth: objektif Pembelajaran & hasil pembelajaran |
| | bersifat kolaboratif (kerja berpasukan/ berpasangan) | | Amalan HIEPs (Collaborative and Learning Communities) |
| | Memberikan autoriti kepada para sahabat | | Hueutagogi, kematangan & autonomi kepada pelajar ; bimbingan & mentorani |
| | merentasi budaya, bahasa dan benua | | Elemen pembelajaran tentang kepelbagaian / global learning & learning communities (HIEPs) |

Inisiatif Pengajaran: Pemudahcara Pencarian Maklumat Terarah (PMT),

Pencarian Maklumat Terarah (PMT) ialah panduan dan proses yang disusun oleh pensyarah supaya pelajar Kursus Hadith I dan II membuat pencarian maklumat dan bahan berkaitan hadith secara bersistematik langkah demi langkah merangkumi;

| Langkah | Pelajar dikehendaki: | Hasil pembelajaran Kursus |
|---------|---|---|
| 1 | Mencari teks asal hadith & sumber asal hadis | HPK 1: Pelajar berkebolehan membahaskan teks hadith dalam kitab-kitab hadith utama dan kitab syarah |
| 2 | Mendapatkan maklumat latar belakang perawi sahabat | |
| 3 | Pelajar mengemukakan terjemahan teks hadith dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu | |
| 4 | Menyenaraikan kalimah yang unik dan menjelaskan maksud kalimah (a) bahasa (b) pandangan ulama' hadith | HPK 2: Pelajar berkebolehan menganalisis secara kritikal teks hadith dalam kitab-kitab turath (kitab asal dan syarah) |
| 5 | Menghubungkan maksud perkataan dan keseluruhan hadith dengan huraian para ulama' hadith dengan bersumberkan kitab syarah hadith yang muktabar | |
| 6 | Menyenaraikan dan menjelaskan sekurang-kurangnya dua ayat al-Quran berkaitan dengan hadis | HPK 3: Pelajar berkebolehan membandingkan metodologi muhadithin dalam mengulas dan menghuraikan hadith |
| 7 | Menyenaraikan hadith-hadith berkaitan termasuklah meninjau kedudukan teks hadith dalam karya hadith dengan penamaan bab/kitab oleh perawi | |
| 8 | Menghuraikan apakah tujuan hadith (<i>maqasid sunnah</i>) dan mengemukakan pengajaran utama. | HPK 4: Pelajar berkebolehan menyimpulkan istinbat dari hadith-hadith yang dibahaskan |
| 9 | Menjelaskan bagaimanakah cara mengaplikasikan/menggunakan hadith dipelajari/hadis panduan kehidupan/menyelesaikan isu semasa | |

Perlaksanaan Pemudahcara PMT

Pada minggu pertama sesi pengajaran, pensyarah meminta pelajar membentuk kumpulan pelajar terdiri dari 7-8 orang pelajar. Setiap kumpulan diberikan tajuk hadis dan dikehendaki mendapatkan tek hadis berkaitan. Inilah fasa pertama perlaksanaan PMT dalam kursus ini. Pensyarah akan menerangkan sembilan langkah di atas. Setiap ahli kumpulan sekurang-kurangnya memilih 1-2 langkah (bagi setiap individu) dan menyelesaikan tugas masing-masing. Pelajar dikehendaki merujuk kepada kitab asal di perpustakaan ataupun buku PDF di atas talian. Tugas ini menjadi tugas pertama pembelajaran sendiri dan setiap ahli kumpulan akan membawa hasil pencarian masing-masing pada minggu kedua.

Terdapat sepuluh tajuk hadis yang disenaraikan pensyarah dan setiap kumpulan bertanggungjawab mencari maklumat hadis berdasarkan sembilan langkah PMT di atas secara komprehensif. Setiap satu tajuk hadis diumpamakan satu kepingan jigsaw besar. Kepingan jigsaw besar ini dikecil-kecilkan bahagiannya kepada 9 bahagian kecil. Dengan erti kata lain, satu satu bahagian kecil jigsaw (hasil daripada satu langkah) melengkapkan satu kepingan jigsaw besar. Di akhir sesi, kepingan jigsaw besar ini lengkap dengan usaha semua kumpulan dan tambahan jigsaw pensyarah. Pemudahcara PMT ini dibuktikan perlaksanaan dan hasilnya melalui dua kaedah pembelajaran sokongan iaitu (a) pembelajaran Jigsaw dan (b) peranan Kumpulan Malim.

Pembelajaran Jigsaw mengalami transformasi dari kaedah asas pembelajaran kooperatif yang dipelopori oleh Aronson et.al (1975) dengan versi tambahan oleh Slavin (1989) dan Kagan (1990). Dalam kaedah pembelajaran kooperatif Jigsaw tradisi, menjadi tugas pensyarah menyediakan nota perbincangan dan pelajar dibekalkan nota tersebut untuk menguasai dan berkongsi dengan ahli kumpulan lain. Berbeza sedikit dengan corak di atas, pengajar kursus Hadith I dan II, hanya mempraktikkan pemberian nota untuk dua minggu terawal manakala baki dua belas minggu berikutnya menggunakan nota yang dikumpul oleh pelajar melalui pemudahcara PMT. Pelajar menggunakan nota mereka sendiri untuk berbincang kandungan kursus mingguan. Keadaan ini memberikan autonomi kepada pelajar dalam perkongsian pengetahuan. Usaha melengkapkan nota ini dibahui dan disempurnakan oleh setiap pelajar secara berkumpulan (Group Discussion & Practice by Doing). Penghasilan nota ini menunjukkan keupayaan pelajar dalam menghasilkan nota kuliah (create – tahap taksanomi bloom tertinggi – domain merekacipta) bagi kohort masing-masing.

Seorang pelajar dalam setiap kumpulan mewakili ‘satu kepingan jigsaw’ keseluruhan yang melengkapkan kandungan kursus keseluruhan. Bagi menyempurnakan keseluruhan jigsaw, setiap pelajar ada EMPAT peranan asas iaitu (i) mencari bahan berdasarkan langkah yang ditetapkan (ii) menguasai satu sub-topik dalam keseluruhan kandungan topik (iii) saling berkongsi dan mengajar rakan-rakan dalam kumpulan sendiri dan seterusnya (iv) mengajar rakan-rakan dalam kumpulan lain (teach other). Piramid pembelajaran menunjukkan corak pembelajaran berkesan ialah pembelajaran secara aktif (participatory) dan ia boleh meningkatkan pencapaian dan penguasaan pengetahuan pelajar dari (5 peratus) diperolehi dari syarahan kuliah kepada 95 peratus apabila mereka sendiri mengajar rakan-rakan mereka (teach other).

Sesi kuliah terbahagi kepada dua bahagian. Sesi pertama melibatkan pembelajaran secara kolaboratif intra kumpulan (dalam kumpulan sendiri) dan sesi kedua sesi syarahan/pembentangan intra-kumpulan (pergerakan dan pelaksanaan secara pembelajaran jigsaw). Perbincangan dalam kumpulan dan inter-kumpulan secara kolaboratif merupakan aktiviti rutin dalam setiap minggu kuliah Kursus Hadith I dan hadith II. Pembelajaran kolaboratif secara berpasukan bermatlamatkan pelajar; (a) belajar untuk bekerjasama dalam menyelesaikan tugas dan (b) mempertajamkan pengetahuan dan pemahaman dengan cara berkongsi apa yang mereka tahu dan mendengar maklumat dan data daripada rakan yang lain (George D Kuh 2008).

Bilakah Kumpulan Malim berperanan? Kumpulan Malim berperanan sebagai mentor semasa perbincangan kumpulan (secara intra dan inter). Mentor merujuk kepada seorang yang berpengalaman dan berpengetahuan manakala mentee ialah seorang yang kurang pengalaman

dan dibimbing oleh mentor (Zuria Mahmood). Mentoran merujuk kepada hubungan membimbing yang berlaku antara seorang yang lebih berpengalaman (juga berpengetahuan/malim) yang ‘mentor’ dan seorang yang kurang berpengalaman yang dipanggil ‘mentee’ (Chiles, 2007) dan Zuria Mahmood). Dalam konteks universiti awam Malaysia, pelajar yang berpeluang membina hubungan dengan seseorang mentor akan mendapati pembelajarannya (a) lebih bermakna. Hubungan dengan mentor (b) memberi peluang kepada pelajar melihat proses pembelajarannya dari perspektif yang lebih luas, matang, dan penuh berinspirasi. Kebiasaannya mentor ialah dari kalangan para pensyarah. Dalam konteks kuliah dan khususnya Kursus Hadith I dan II, para pelajar sendiri berperanan dan bertanggungjawab membimbing rakan dalam kumpulan sendiri dan kumpulan lain. Mereka memainkan peranan persis golongan Muhajirin yang menjadi mentor dalam kalangan sahabat Ansar sewaktu pembentukan negara di Madinah. Pendekatan ini selari dengan peers teaching. Menurut Whitman ‘to teach is to learn twice’.

Pada setiap minggu, setiap kumpulan akan diberikan peranan dan dinamakan sebagai Kumpulan Muhajirin dan Kumpulan Ansar. Kumpulan pelajar yang ‘alim’ dengan topik hadis pada pertemuan minggu tertentu akan menjadi Kumpulan Malim. Mereka ini dikenali sebagai golongan ‘Muhajirin’ yang berhijrah ke Kumpulan Ansar (ahli kumpulan yang tetap) mengikut pusingan tawaf atau pergerakan jam seperti arahan pensyarah. Setiap ahli kumpulan Muhajirin atau malim ditugaskan untuk ‘berhijrah’ ke kumpulan Ansar dan mengajar rakan-rakan mereka. Oleh itu sekiranya terdapat sepuluh kumpulan, maka pada setiap pertemuan 1 – 2 kumpulan akan mengambil peranan sebagai kumpulan Malim atau Muhajirin dan bergerak ke kumpulan-kumpulan untuk berkongsi dan mengajar rakan-rakan mereka kumpulan yang lain. Bagi memastikan suasana pembelajaran pada waktu puncak tidak membosankan pelajar, pelajar bergerak dan berpindah dari satu kumpulan ke kumpulan yang lain dengan arahan pensyarah.

Ulasan Pelajar & Impak Ke Atas Pengalaman Pembelajaran

- a) Impak Pengetahuan & Kefahaman Berganda – Berkemampuan untuk (a) mengetahui, memahami dengan mendalam dan menyampaikan semula kepada rakan yang lain.

Pelajar 1: “Cara penyampaian berbeza [bukan kaedah syarahan] memudahkan pelajar memahami subjek tersebut”

Pelajar 2: “Apa yang saya dapati dari pembelajaran Kursus Hadith I? , Pertama saya mendapat kefahaman yang sangat mendalam kerana saya sendiri yang mengkaji hadith tersebut dari sudut perawi, aplikasi dan syarah-syarahnya [self-directed learning]...”

Pelajar 2: “...jadi apabila kita sendiri yang terlibat dalam proses memahaminya [active learning], maka kita akan dapat kefahaman yang lebih dalam. Seterusnya, saya dapat pembelajaran dua hala. Saya mengajar dan saya pula diajar oleh kawan-kawan [teach other – collaborative learning]. Saya rasa ini sangat terbaik”

Pelajar 4: “Saya amat suka gaya penyampaian [Nama pensyarah] dalam kelas, sangat kreatif dan banyak membuka minda saya untuk melihat hadith dari pelbagai aspek”.

Pelajar 8: “...Kelas paling best semester ini. Kaedah penyampaian yang jelas dan mudah difahami oleh pelajar...semoga kursus ini dikekalkan untuk generasi akan datang...”

b) Motivasi Belajar; perspektif pelajar terhadap pendekatan dan pandangan mereka terhadap pemudahcara tersebut:

Pelajar 3: “Kaedah pembelajaran yang [nama pensyarah] aplikasi kepada pelajar sangat memberi impak yang mendalam kepada kami. Sejujurnya, kami tidak pernah didedahkan dengan kaedah pembelajaran yang digunapakai oleh [nama pensyarah]. [Nama pensyarah] menangani kelas dengan idea baru dan segar [a] membuatkan kami menerima pembelajaran dengan hati terbuka dan [b] tidak merasa bosan apatah lagi [c] mengantuk di dalam kelas.

Pelajar 3: “Setiap minggu kelas [nama pensyarah] adalah kelas yang paling kami nantikan dan tidak sabar untuk mempelajari ilmu baru daripada [nama pensyarah] dan sahabat sekelas...”

Pelajar 9: “Cara pembelajaran Kursus Hadith II dalam Kelas sangat menarik. Ia tidak membosankan dan tidak berasa berat. Hati lebih rasa dekat dengan Rasulullah SAW...”

c) Impak Gelung Pembelajaran Berganda – Penerusan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pelajar 4: “Saya berharap saya dapat menuntut ilmu lagi dengan [nama pensyarah], in sha Allah.

Pelajar 5: “Cara pengajaran sangat menarik. Lain daripada yang lain...membuatkan saya ingin menyambung pengajian ke peringkat master”.

Pelajar 6: “Kelas ini adalah kelas yang paling saya suka, syukran ustazah. Banyak ilmu yang saya dapat daripada ustazah...Kalau ustazah hendak tahu, ustazah adalah idola dan sumber inspirasi untuk terus sambung belajar selepas ini...”

Pelajar 7: “...in sha Allah, ilmu hadith [mengenai] al-Fitan ini akan kami ingat dan amalkan dalam kehidupan seharian kami”.

Perlaksanaan PMT & Keberhasilan Hasil Pembelajaran

Berdasarkan pemerhatian, penggunaan PdPc PMT membantu pelajar dalam pengkajian asas teks hadith yang terdapat dalam kitab-kitab hadith utama. Ini membuka jalan kepada usaha pelajar membahas dan menganalisis secara kritikal teks hadith yang menjadi tugas kumpulan mereka. PMT ini menjadi faktor keberhasilan nota pelajar sejak dari awal sesi pengajian. Ini menunjukkan pelajar telah bersedia sejak dari awal sesi untuk melalui proses pembelajaran dalam semester tersebut. Penyediaan nota ini berkait rapat dengan kaedah tradisi periwayatan hadith iaitu al-Munawalah. Perbezaannya, catitan hadith tersebut dimiliki oleh ulama' atau shaykh hadith dan diperturunkan kepada murid.

Berdasarkan ulasan pelajar, mereka cenderung untuk hadir kuliah serta mengambil bahagian secara aktif semasa sesi pembelajaran berlangsung. Ini kerana peranan mereka semasa proses pembelajaran telah dioptimumkan secara aktif, interaktif dan autonomi. Semasa proses pembelajaran, pelajar secara tidak langsung mengaplikasikan kaedah 'al-Sima'; mendengar hadith dengan teliti.

Perlaksanaan pembelajaran secara jigsaw dapat dilaksanakan dengan jayanya dengan hasil usaha pelajar sendiri yang telah mengkaji teks dan maklumat topik hadith sebelum sesi perkongsian dilaksanakan. Jelas semasa sesi tersebut pelajar menonjolkan kemampuan mereka menganalisis hadith secara tekstual dan membandingkan pandangan serta metodologi yang digunakan oleh ulama' hadith dan berkongsi maklumat tersebut dengan rakan-rakan mereka. Dari aspek kontekstual, langkah dalam garis panduan PMT menghendaki pelajar meninjau hadis dari pelbagai dimensi termasuklah tujuan (*maqasid sunnah*), pengajaran (istinbat) dan hubungkaitnya sebagai solusi kemasyarakatan dan isu semasa. Ini bermakna PdPc ini membantu pencapaian hasil pembelajaran kursus seperti yang digariskan secara keseluruhan.

Hasil refleksi dan ulasan pelajar mendapati mereka dapat merasai suasana pembelajaran aktif dan bermakna. Kelainan pendekatan pengajaran yang dilaksanakan menjadi pendorong mereka mengikuti sesi kuliah, malah bersemangat untuk mengambil bahagian. Berdasarkan maklumbalas daripada pelajar dan juga pemerhatian semasa proses pembelajaran, mereka yang mengaplikasikan sembilan langkah tersebut mengakui telah mendapat penambahan pengetahuan dan pemahaman malah mereka berupaya menunjukkan tahap pencapaian gelung pembelajaran berganda (*double loops learning*) sewaktu dalam sesi kuliah dengan mengajar rakan-rakan mereka dan berkeinginan untuk mengaplikasikan hadith dalam kehidupan. Malah ada dalam kalangan mereka secara positif ingin berhasrat melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Nota kuliah merupakan hasil pertama pelajar ketika mengambil kursus ini. Selain itu, terdapat hasil usaha pelajar yang lain daripada kandungan nota kuliah tersebut. Contohnya mereka menghasilkan poster dan video hadith untuk disebar kepada masyarakat (sebagai tugas kursus). Para pelajar juga menunjukkan kemampuan kognitif yang cemerlang di akhir semester dengan menghasilkan kertas kerja dan membentangkannya. Bermula daripada nota yang diusahakan di awal semester secara berkumpulan, mereka berjaya menghasilkan sebuah

prosiding seminar bercetak di akhir semester. Penghasilan penerbitan ini telah melonjokkan angka penerbitan universiti di peringkat prasiswazah.

Kesimpulan

Pengajaran merupakan usaha yang melibatkan kaedah dan teknik penyampaian pengetahuan yang dikendalikan oleh guru bersama murid secara bersistematik. Kajian berkaitan kaedah periwayatan dan pembelajaran hadith menunjukkan perkembangan dari masa ke semasa dengan perubahan zaman. Kaedah tradisi seperti talaqqi, hafalan, syarahan dan soaljawab masih dijalankan dan disertakan dengan kaedah-kaedah baharu bersesuaian. Pemudahcara PMT merupakan kaedah bagi memastikan penyampaian pengetahuan hadis kepada murid dapat dilaksanakan secara konprehensif. Pada masa yang sama ia disesuaikan dengan latar belakang generasi milenial yang mudah bosan dan jemu kepada proses pembelajaran yang statik. Gaya pembelajaran ini juga mengambilkira panduan pengajaran Nabi Muhammad SAW yang fleksibel, 'mobile', aktif, pelbagai kaedah, dan sikap serta motivasi para sahabat SAW terhadap pembelajaran. Hasil refleksi dan pemerhatian semasa dan selepas pembelajaran menunjukkan perubahan ke atas pelajar dari aspek kognitif dan afektif. Pelajar berupaya mencapai domain kognitif pada tahap merekacipta selain kebolehan menganalisis dan memahami secara mendalam. Pelajar juga turut menunjukkan apresiasi yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan yang dipelajari melalui hasrat untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan (menjadi sistem nilai). Selain itu pelajar menunjukkan keinginan positif untuk meneruskan pembelajaran sepanjang hayat dan merasai hubungan dekat dengan junjungan baginda SAW. Oleh itu, menggunakan kaedah-kaedah pengajaran seperti PMT dan lain-lain wajar dilaksanakan bagi membuka peluang kepada pelajar meneroka ilmu pengetahuan dalam bidang pengajian Islam dan hadis secara khususnya dengan semangat, komitmen, kesungguhan dan minat yang tinggi.

Penghargaan: Geran Penyelidikan: GGP-2017-039. Semua pelajar kursus Hadith I PPPN3333 dan Hadith II PPPN3453 Sesi 2016/2017, 2017-2018 dan 2018/2019, Program Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Aronson, E., Blavey, N., Sikes, J., Stephans, C., & Snapp, M. (1975). Busing and Racial tension: The Jigsaw Route to Learning and Liking, *Psychology Today*. 8: 43-59.
- Azhariah Zulkarnaini (2011). Metodologi Pembelajaran Hadith Di Riau. Disertasi Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faisal Ahmad Shah (2016). Kaedah Tepat Memahami Hadis. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli, Latifah Abdul Majid, Mohd Arif Nazri (2013). Penerokaan Talaqqi Bersanad (TB) Dalam Pengajian Hadith Di Malaysia. *Jabatan Al-Quran Dan As-Sunnah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal Islamiyyat* 35 (2) 67-76.

- Farhah Zaidar Mohamed Ramli (2014). Faktor-Faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) Dan Keperluan Dalam Pengajian Hadith Di Malaysia. Tesis Dr. Fal, Jabatan Al-Quran Dan As-Sunnah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fauzi Deraman, Ishak Hj Sulaiman, Faisal Ahmad Shah (2010). Pengajian Hadith Di Malaysia Tokoh-Karya-Institusi. Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith Akademi Pengajian Islam University Malaya Kuala Lumpur.
- Hamzah Jummat (2005). Kurikulum Pembelajaran Hadith Di Madrasah-Madrasah Sinapura Pada Masa Kini. Disertasi Ijazah Sarjana Jabatan Al-Quran Dan As-Sunnah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kagan, S. (1990). Cooperative Learning Resources for Teachers. San Juan Capistrano CA: Resources for Teachers.
- Khatib, Muhd ‘Ajjaj al, (1988). Usul Al-Hadith “Ulumu Wa Musthalahuh”. Beirut : Dar al-Fikr.
- Kuh, George D., (2008). High-Impact Educational Practices: What They Are, Who Has Access to Them, and Why They Matter. Washington, D.C: AAC&U.
- Mohd Amru Isa (2019). Keberkesanan Pengajaran Hadith di Masjid-masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Disertasi Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Amru bin Isa & Najah Nadiah Amran (2017). Pengajian Hadith di Masjid Malaysia. Fikiran Masyarakat, Vol. 5, No. 1, 2017, Hlm. 14-20.
- Mohd Army Bin Yusop (2011). Pengajian Hadith Di Miftahul Ulum Sri Petaling Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Jab. Al-Quran dan Hadith Universiti Malaya.
- Mohd Napiah Bin Abdullah (1989). Pengajian Hadis Di Institusi Pondok: Satu Kajian Di Daerah Baling, Kedah. Jurnal Islamiyyat 10. Hlm. 31-42.
- Najah Nadiah Amran (2018). Pengajaran Transformatif Tanpa Syarahan Melalui Pemudahcara Muhajirin-Ansar. Portfolio Finalis AKRI 2018.
- Noor Hisham Md Nawi (2011). Pengajaran Dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Kertas Kerja Pusat Pengajian Bahasa & Pembangunan Insan Universiti Malayisa Kelantan.
- Nurul Farahain Binti Ismail (2011). Pengajian Hadith Di Kelantan: Kajian Di Pusat Pengajian Al-Quran Darul Kauthar. Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Wazir, Mohd Khafidz bin Soroni, Mohd Norzi bin Nasir, Mohd Fairuz bin A. Adi, Nor Asyikin binti Hasan Adali (2011). Kelangsungan Pengajian Kitab Hadith Di Masjid-Masjid Negeri Selangor. Kertas kerja Akademi Islam Kolej Universiti Islam Selangor.
- Slavin, R. (1995). Cooperative Learning. Theory, Research and Practice (2nd Edition). USA: Alyn and Bacon.